

**Syarikat Bumiputera Untuk Miliki Anak Syarikat Kecil Khazanah, PNB Masih Dikenalpasti
Bernama
8 Mac, 2012**

CAMERON HIGHLANDS, 8 Mac (Bernama) -- Kerajaan masih mengenal pasti syarikat Bumiputera yang akan mentadbir dan memiliki syarikat bukan teras yang ketika ini dimiliki oleh Khazanah dan Permodalan Nasional Bhd (PNB), kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau berkata syarikat bukan teras itu merupakan anak syarikat kecil kepada anak syarikat milik Khazanah dan PNB.

"PNB dan Khazanah memang ada anak syarikat. Anak syarikat itu pula mempunyai anak-anak syarikat lain yang tidak begitu besar, yang boleh diuruskan tanpa anak syarikat itu banyak meminjam," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan bantuan kepada 10 daripada 152 penerima masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Ruil, di sini.

Beliau berkata syarikat Bumiputera yang akan memiliki dan seterusnya mentadbir anak-anak syarikat berkenaan akan diumumkan tidak lama lagi.

Pada 9 Feb lepas, Mesyuarat Majlis Tindakan Agenda Bumiputera yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memutuskan untuk meminta Khazanah dan PNB melupuskan syarikat-syarikat yang dianggap bukan teras, untuk ditadbir dan diserahkan milik kepada syarikat Bumiputera menerusi proses tender terbuka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=651005>